

## KENYATAAN TENDER

**MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD** (902884-V) [MRT CORP] telah ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia untuk membangunkan dan menjadi pemilik Projek Mass Rapid Transit Lembah Kelang (KVMRT). Syarikat ini adalah sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan.

Projek KVMRT ini melibatkan pembinaan rangkaian pengangkutan awam yang berasaskan rel di Lembah Klang. Laluan **MRT SUNGAI BULOH-SERDANG-PUTRAJAYA (Laluan SSP)** adalah laluan kedua MRT yang akan dibangunkan setelah pembinaan laluan MRT Sungai Buloh-Kajang (Laluan SBK) yang bermula pada tahun 2011.

Bagi tujuan pembangunan laluan SSP, **MMC GAMUDA KVMRT (PDP SSP) SDN BHD (1117100-V)** telah dilantik sebagai Rakan Pelaksana Projek.

MRT Corp mempelawa bakal penender untuk mengambil bahagian dalam tender bagi pakej kerja yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

TAJUK TENDER DAN NO. TENDER	SYARAT TENDER	HARGA BAGI SETIAP DOKUMEN TENDER	TAKLIMAT TENDER (MANDATORI)
<p><b>PACKAGE B : RENOVATION AND CONSERVATION WORKS INCLUDING :</b></p> <p><i>ii) RELOCATION OF CRAFT MUSEUM, "KARYANEKA" OFFICE, CRAFT MANAGEMENT OFFICE AND JWN OFFICE TO BLOCK C, BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD</i></p> <p><i>iii) RELOCATION OF "KARYANEKA" CRAFT BOUTIQUE AND SOUVENIR SHOPS TO BLOCK A, BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD</i></p> <p><i>iiii) RELOCATION OF CRAFT VILLAGE AND ARTIST VILLAGE TO DATARAN UNDERGROUND</i></p> <p><b>SSP-MRTC-UNGW-CONS-TEN-00071</b></p>	<p>Memiliki Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari CIDB</p> <p>CIDB Gred : G7 Kategori : Pembinaan Bangunan</p> <p>Maklumat Tender Mandatori:</p> <p>1) Memiliki pengkhususan CIDB Pembinaan Bangunan Sub Kepala B03 (Pemulihan &amp; Pemuliharaan) atau memiliki sub kontraktor dengan pengkhususan Pembinaan Bangunan Sub Kepala B03.</p> <p>2) Memiliki pengalaman minimum 5 tahun dalam menyiapkan kerja-kerja pengubahsuaian dan hiasan dalaman untuk muzium atau galeri seni atau kerja-kerja konservasi warisan.</p>	<p><b>RM 6,890.00</b> (termasuk 6% GST) <b>TIDAK DIKEMBALIKAN</b></p>	<p>Tarikh : <b>Rabu, 25 November 2015</b></p> <p>Masa : <b>9.15 pagi</b></p> <p>Tempat : <b>Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd, Perak Auditorium, Tingkat 7, Menara I&amp;P 1, 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia.</b></p> <p>Semua pemohon dikehendaki mendaftar pada Rabu, 25 November 2015, di tempat yang tertera di atas di antara pukul 9.15 pagi dan 9.30 pagi. Hanya maksimum tiga (3) wakil dari setiap pemohon dibenarkan.</p> <p>Wakil-wakil dari pihak penender yang berminat mestilah kakitangan utama yang berkecuali dan berpengetahuan di dalam bidang tender dan kontrak untuk kerja-kerja diatas serta diberi kuasa oleh syarikat.</p>

Dokumen Tender boleh dibeli **mulai 26 November 2015 sehingga 2 December 2015** di pejabat seperti yang tertera di bawah:

TEMPAT JUALAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN TENDER	MASA JUALAN DOKUMEN TENDER
<p><b>MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD</b> Jabatan Perolehan Tingkat 6, Menara I&amp;P 1, No. 46 Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia.</p>	<p><b>Isnin hingga Khamis : 9:00 pagi – 12:30 tengahari dan 2:00 petang – 5:00 petang</b> <b>Jumaat : 9:00 pagi – 12:00 tengahari dan 3:00 petang – 5:00 petang</b></p>

Pembayaran bagi pembelian Dokumen Tender hanya boleh dibuat melalui Draf Bank atau Banker's Cheque pada amaun yang dinyatakan dalam jadual di atas dan dibayar di atas nama **Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd**.

Dokumen Tender yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan dengan jelas Tajuk Tender dan Nombor Tender di bahagian atas tengah sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di MRT Corp, **Jabatan Perolehan tidak lewat dari jam 12:00 tengahari, Khamis, 17 Disember 2015**. Semua penyerahan lewat akan dibatalkan.

**Nota:**

1. Penender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berpengalaman serta berdaftar dengan badan pendaftaran yang berkaitan dan di bawah gred dan kategori seperti yang diperincikan dalam jadual di atas. Pendaftaran mestilah masih sah dan dibenarkan membuat tawaran dalam tempoh tender.
2. Penender **WAJIB** menghadiri sesi taklimat tender seperti tarikh, masa dan tempat yang dijadualkan di atas.
3. Dokumen Tender akan dipamerkan dan mula dijual pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Penender boleh meneliti Dokumen Meja Tender (TTD) sebelum membuat pembelian.
4. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada Penender yang telah menghadiri sesi taklimat tender. MRT Corp. **TIDAK AKAN** melayan sebarang permohonan untuk membeli Dokumen Tender sebelum dan/atau selepas waktu yang telah dijadualkan di atas.
5. Dokumen Tender ini hanya akan dijual kepada wakil Penender yang sah ("bona fide"). Untuk tujuan tersebut, wakil Penender **WAJIB** mengemukakan Surat Pengesahan sebagai wakil serta sijil pendaftaran CIDB 'ASAL' dan 'SALINAN YANG DISAHKAN' (oleh Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A).
6. Kesemua penender mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.
7. Penender adalah diingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK** akan diterima selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. [44] dlm JK/MP/53/WP [140/97], 23 Jun 2005].
8. Dengan mengeluarkan kenyataan tender ini, MRT Corp. tidak terikat dengan apa-apa cara untuk menerima harga tender paling rendah atau mana-mana tender.
9. Sebarang pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di fakskan ke talian **03-2095 2121** atau e-mail **procurement@mymrt.com.my**